

Diam atas kebenaran umpama syaitan yang bisu

TM

SOLUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT

2012 | PP 15048/05/2013 (032162) |

MOTIVASI · FARDUAIN ·

WSS

Semakin benci kita kepada kemungkaran, maka semakin meningkat rasa kasih dan kasihan kita kepada pelakunya. Kemungkaran itu umpama api yang membakar pelakunya. Ayuh, selamatkan mereka dengan kasih sayang.

Amar Nahi Makruf Mungkar



ISU No. 44

Qadar Allah yang Boleh Diubah

Adakah qadar Allah mungkin boleh berubah? Ada disebutkan ungkapan bahawa qadar tidak boleh ditolak melainkan dengan doa.

Jika qadar menetapkan kita sakit, bukankah kita boleh berusaha untuk menjadi tidak sakit?

Kalau qadar menetapkan kita akan terlibat dengan kemalangan, tidakkah kita boleh berusaha untuk mengelakkan daripada kemalangan itu berlaku?

> hlm. 101

> Generasi Terakhir Umat Manusia

hlm. 111

> Antara Kerjaya, Keluarga dan Dakwah

hlm. 14

> Di Sebalik Secebis Kain...

hlm. 52



Imbas kod untuk ke
Facebook Majalah Solusi

ISSN 1985-5400

>
44

RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (S/S)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50

9 771985 540003

TELAGA BIRU SDN. BHD.



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
(Incorporated in Malaysia)

Pada tahun 2009, aku diundang untuk memberi ucaptama dalam majlis perasmian bangunan baru Fakulti Pendidikan di Universiti Islam Yala yang terletak di selatan Thailand. Universiti ini mengambil model Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sebagai model pengajiannya.

Integrasi dan islamisasi ilmu menjadi misi utama universiti ini. Ia merupakan suatu tajdid menarik yang cuba dilaksanakan oleh Universiti Islam Yala dengan memperkenalkan konsep *major* dan *minor*

Keunikan Universiti Islam Yala



yang memberi ruang kepada para pelajar-nya mengikuti dua bidang ilmu iaitu ilmu konvensional dan juga ilmu agama.

Dalam ucaptama yang aku sampaikan, aku lebih banyak memfokuskan keperluan tajdid ilmu dan pendidikan serta memberi penekanan tentang kepentingan pendidikan pondok dan madrasah, seterusnya perlu diperkasakan supaya ia mampu masuk ke arus perdana.

Aku memahami situasi di selatan Thailand yang secara politiknya mengalami keresahan yang boleh mencetuskan krisis berpanjangan. Secara bijaksana dan ber-strategi, pendidikan pondok dan madrasah juga mengambil pendekatan integrasi untuk membolehkan lulusan pondok dan madrasah memilih Universiti Islam Yala sebagai sebuah universiti Islam yang penting. Dalam jangka masa panjang, ia membolehkan lulusan pondok di Yala memasuki arus perdana dalam pentadbiran dan ekonomi negara.

Ia menuntut teknad ilmu dan perjuangan pendidikan yang tinggi. Agenda untuk membawa mereka menuju model arus perdana adalah sesuatu yang amat mustahak supaya tajdid ilmu dan pendidikan Islam berkembang sesuai dengan perubahan zaman dan cabaran lingkungan.

Integrasi Ilmu

Aku mulakan ucaptama dengan memberikan senario bahawa usaha memperkasakan umat Islam di selatan Thailand mesti melalui perubahan dan orientasi ilmu. Sifat ilmu yang diajar di pondok dan madrasah harus seimbang dalam memantapkan ilmu naqliah dan juga memperkenalkan ilmu yang bersifat akliah yang berorientasikan ilmu sains, teknologi, vokasional dan seumpamanya.

Ia penting bagi masyarakat Islam di Pattani, Yala, Narathiwat, Satun dan banyak lagi tempat mengalami proses pendidikan yang lebih baik dan membolehkan lebih ramai para pelajarnya memasuki universiti arus perdana dan juga universiti-luar negara.

Yang kedua, aku menjelaskan mengapa integrasi ilmu ini penting bagi umat Islam. Di kebanyakan negara Islam, telah sekian lama menghadapi dualisme dalam orientasi ilmu dan pendidikan. Dalam bahasa mudahnya, isu binaan epistemologi dan tasawur adalah sesuatu yang terutama. Membiarkan orientasi dualisme berlaku

menyebabkan umat Islam mengalami konflik pemikiran yang berterusan dan menjadikan kefahaman terhadap Islam sempit dan terbatas.

Berhadapan dengan globalisasi yang sedang berlaku, Barat menawarkan ilmu dan pendidikan yang sifatnya mekanistik iaitu tidak terdapat roh dan etika yang membimbing manusia ke arah watak islami. Aspek agama dan etika tidak menjadi sandaran utama yang menyebabkan sifat ilmu itu memiliki kegunaan, tetapi etika dan nilai guna tidak dijadikan pedoman.

Integrasi bermakna cara menghubungkan kefahaman terhadap ilmu-ilmu menganai al-Quran dan hadis, fiqah, sirah, syariah dan ibadah umpamanya diberi lonjakan baru supaya aspek ilmu mengurus sistem tidak diketepikan. Begitu juga cara ilmu mengurus sistem seperti sains, teknologi dan vokasional perlu diberi orientasi baru supaya aplikasi sains, teknologi dan vokasional dihubungkan dengan etika dan nilai yang baik.

Etika dan Nilai yang Islamik

Integrasi ilmu dan pendidikan akan menjadi lebih bermakna sekiranya aspek-aspek perbandingan dalam ilmu mengurus sistem yang bermanfaat dikembangkan dalam orientasi etika dan nilai yang islamik supaya penerimaan terhadap ilmu mengurus sistem diserasikan dengan corak nilai guna dalam kehidupan. Pembelajaran mengenai komputer umpamanya ialah faktor ilmu mengurus sistem yang bermanfaat, tetapi input, perisian dan program dalam komputer tidak semuanya selari dengan nilai-nilai keinsanan.

Input, perisian dan programnya amat dituntut agar dibuat berdasarkan orientasi yang lebih insani dan islami. Ia bukan sesuatu yang mudah dan itulah cabaran integrasi dan islamisasi. Langkah permulaan harus dibuat supaya dalam jangkamasa panjang umat Islam bakal menjadi penyumbang penting kepada usaha ini dan paling kurang pun pengguna media baru mempunyai pilihan menuju ke arah nilai yang islamic.

Hakikatnya, teknologi selamanya alat dan bukannya matlamat. Matlamat dalam aplikasi ilmu mengurus sistem bukan sahaja menghasilkan kemahiran berteknologi tinggi (*high tech*), bahkan kualiti keinsanan (*high touch*) supaya mendapat keseimbangan yang baik terhadap kehadiran teknologi dan upaya aplikasi yang baik dan mempunyai pedoman.

Justeru, pendekatan integrasi dalam pengilaman dan pendidikan, serta islamisasi dalam pengisian, adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan sekiranya pendidikan



Islam ingin dijadikan pendidikan yang bersifat sezaman serta mampu menjadi tunjangan kepada aspek-aspek ilmu yang lain.

Islamisasi dalam Ilmu

Islamisasi itu penting. Ada orang berpendapat bahawa ilmu-ilmu yang ada khususnya dari Barat tidak perlu mengalami proses islamisasi kerana ilmu barat itu sudah bermanfaat. Lalu, digunakannya sahaja dan lahirlah kemajuan dan perubahan.

Namun begitu, Islam tidak mengambil pendekatan sedemikian. Ilmu itu perlu dihubungkan dengan Pencipta. Ilmu wahyu atau al-Quran umpamanya mengandungi petunjuk untuk memahami perkara yang nyata dan hubungannya dengan perkara yang ghaib. Pendekatan empiris melalui pemerhatian dan uji kaji belum cukup untuk membuat suatu hipotesis atau kesimpulan mengenai sesuatu perkara. Ia memerlukan hubungan rohaniah dan sumber petunjuk daripada Pencipta supaya tidak

sahaja bahan-bahan ciptaan Allah yang dikaji, tetapi pasti ada maksud dan hikmah sesuatu itu dijadikan oleh Allah.

Proses islamisasi aqidah telah bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi. Aqidah yang syirik dan jahiliah yang dianuti oleh umat manusia pada waktu itu mendekatkan mereka dengan Allah yang Esa apabila diturunkan al-Quran yang mendukung islamisasi ilmu, dan diri Nabi itu sendiri menjadi lambang watak *qur'aniyyah* selepas mengalami proses tarbiah *rabbaniyyah*.

Puncak proses islamisasi disambung oleh para sahabat, tabi tabiin, para ulama dan umara sehingga lahirnya zaman Abbasiyah dan Andalusia yang mampu melonjakkan Islam ke paras tamadun dan memberi manfaat kepada Eropah dalam bidang ilmu dan tamadun. Hari ini, Eropah menjadi kuasa utama dunia dan umat Islam menjadi pengguna kepada kekuatan mereka terutama dalam bidang sains dan teknologi walaupun mereka menterjemahkan ilmu-ilmu matematik, sains dan perubatan umat Islam ke dalam bahasa Latin, Ibrani dan Hebrew.


Keunikan Universiti Islam Yala

Universiti Islam Yala amat unik kerana memperkenalkan pengajian ilmu perubatan



Lulusan Ijazah Sarjana Muda (Pengajian Melayu) Universiti Malaya dan Sarjana Pendidikan Berbanding di Universiti Indiana, Bloomington, USA dan Ijazah Doktor Pendidikan di Universiti Northern Illinois, USA. Pernah menjadi pendidik, pegawai dan pensyarah, dan kini sebagai Profesor Pendidikan di Institut Pendidikan, UIAM. Dianugerah Tokoh Maulidur Rasul 2009.

PROF. DATO' DR. SIDEK BABA

pertamaMARIA BINTI ZULKIFLI
Cheras, Kuala Lumpur**kedua**SURINA BINTI PARNIN
Seremban, Negeri Sembilan**ketiga**AZMANIAH BINTI OSMAN
Batang Kali, Selangor**saguhati**NAZATUL ASHIKIN KHAIRUDDIN
Kelana Jaya, SelangorMOHAMAD AL-BUKHARI AZMAN
Sabak Bernam, SelangorFATIN NADIA BINTI NOR AZMAN
Tangkak, JohorSYARIFAH SARAH BT. MUKHTAR
Kajang, SelangorWAN JUHARI BIN WAN YUSOFF
Wakaf Bharu, Kelantan**SYARAT DAN PERATURAN**

- Penyertaan terbuka kepada semua pembaca *Solusi*, kecuali kakitangan Telaga Biru Sdn. Bhd. dan ahli keluarga terdekat.
- Peraduan ini berlangsung selama dua (2) bulan, dari 1 Jun 2012 hingga 31 Julai 2012.
- Tarikh tutup penyertaan: **31 Julai 2012**.
Penyertaan selepas tarikh tersebut tidak diterima.
- Penyertaan mestilah menggunakan borang asal dan pastikan diisi lengkap. Salinan fotokopi tidak diterima.
- Pemenang dikira jika menjawab **semua petak dengan betul**. Sekiranya tiada pemenang, jawapan yang hampir akan diterima sebagai pemenang.
- Sekiranya terdapat **lebih daripada seorang pemenang**, cabutan akan dibuat oleh para hakim. Keputusan hakim adalah muktamad.

- Isikan **semua petak** dengan HURUF BESAR dengan jelas.
- Jika terdapat kesilapan dan anda ingin mengubahnya, boleh digunakan pemadam, *liquid paper* atau sebagainya.
- Poskan penyertaan anda ke:
Peraduan Silang Kata Solusi
Telaga Biru Sdn. Bhd.
28 Jalan Tembaga SD 5/2A
Sri Damansara Industrial Park
52200 Kuala Lumpur
- Pemenang akan dihubungi melalui alamat pos atau melalui telefon dan/atau e-mel (jika ada disertakan alamat e-mel dan/atau no. telefon).

dan lain-lain dengan memperkasakan sumber modal insan masyarakat Islam Thailand, dan ia adalah suatu permulaan yang tepat.

Kecenderungan untuk bersikap eksremis dan *separative* bukanlah jawapan yang terbaik untuk mengatasi kemelut yang ada. Jalan terbaik adalah dengan memperkasakan umat Islam di Thailand dengan kekuatan ilmu dan keterampilan sains, vokasional dan politeknik supaya ia dapat membangunkan jiwa mandiri dalam kalangan umat Islam. Ketahuilah, pertantangan yang berlaku sekian lama tidak memberikan jawapan yang terbaik. Di tengah-tengah cabaran globalisasi kini, umat Islam tidak harus terpinggir daripada arus perubahan. Umat Islam mesti tampil sebagai penyumbang yang berkesan ke arah membina integriti dan wibawa yang dihormati.

Secara jangka panjangnya, harus wujud lebih banyak model Universiti Islam Yala di seluruh Thailand terutama di bahagian selatan. Jihad ilmu seharusnya menjadi jawapan yang terbaik. Pendekatan tradisional harus diperkasaikan. Ilmu mengurus diri yang berkaitan dengan aqidah, ibadah, fiqh, syariah, sirah, tafsir dan akhlak amat penting dipelajari dalam orientasi tajdid yang menjadi landasan kepada perkembangan ilmu mengurus sistem.

Inilah kaedah cemerlang yang berlaku dalam sejarah Andalusia apabila integrasi dan islamisasi ilmu berlangsung dengan begitu baik sekali. Tokoh tersohor seperti Ibn Sina, al-Khawarizmi, Abu Qasim al-Zahrawi dan ramai lagi

tokoh yang telah menghafaz al-Quran sejak muda dan mampu mengintegrasikan sumber al-Quran untuk memiliki kepakaran dalam bidang perubatan, matematik, ilmu surgeri dan lain-lain lagi.

Kecenderungan yang ditampilkan oleh Universiti Islam Yala adalah se-satu yang unik untuk Thailand. Pendekatan *wasatiyyah* yang diambil dalam mendekati sesuatu isu dan senario amat menarik untuk dijadikan pedoman. Persaingan sebenar umat Islam di sana adalah persaingan kekuatan ilmu dan keterampilan.

Meskipun isu politik tidak mudah terlerai, tetapi fokus terhadap jihad ilmu suatu perubahan yang baik kerana penampilan ilmuwan yang berkualiti dengan pengkhususan masing-masing membolehkan mereka berperanan dengan berkesan kepada umat Islam dan negara Thailand.

Memahami Realiti Perubahan

Namun demikian, perkara yang dibimbangi oleh umat minoriti ialah suasana peminggiran dan pemenculan akibat kegagalan memahami realiti dan perubahan yang didorong oleh idealisme yang kadang-kadang tidak berpijak di bumi nyata. Jelasnya, umat Islam memiliki Islam sebagai sumber agama dakwah yang pernah menempa sejarah membangunkan tamadun.

Memiliki ilmu dan imej pengkhususan yang baik ialah imej terbaik untuk mengembangkan Islam di mana-mana sahaja. Pihak lain sengaja mewujudkan imej negatif terhadap umat Islam itu sendiri. Islam sebagai agama *rahmah li al-'alamin* harus mengambil tempat dalam suasana minoriti dengan imej yang stabil.

Sekiranya ini dapat berlaku terhadap umat Islam yang berpotensi di selatan Thailand dengan kekuatan ilmu dan dakwah bagi mengukuhkan kehadiran mereka di Thailand, ia dapat menyumbang untuk pembangunan negara itu sendiri dan menjadi kelompok yang dihormati dan disegani dengan imej keilmuan yang baik dan daya juang yang tinggi untuk membawa pendekatan *wasatiyyah*.

Seharusnya, mereka perlu mencari jalan yang bijaksana dan berstrategi supaya jihad ilmu dan dakwah dijadikan agenda utama untuk memahami masalah yang timbul. Universiti Islam Yala dengan keunikian yang ada merupakan salah satu strategi bijaksana untuk mengangkat martabat umat Islam di Thailand. ■

